

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI**

**TARIKH : 24.07.2017**

**SOALAN : NO. 81**

**Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah drastik yang telah dilaksanakan untuk menangani kes-kes buli di IPTA yang semakin kerap berlaku kebelakangan ini, dan apakah benar lambakan filem dan drama mengandungi adegan ganas, antara punca yang menjadi penyebab ia berlaku.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memandang serius dan peka terhadap persekitaran pembelajaran kondusif serta selamat dalam menjamin kesejahteraan pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia. KPT juga tidak mengambil ringan terhadap permasalahan buli dan hal ini dibuktikan melalui peruntukan di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 di bawah Seksyen 15D yang dengan jelas menyatakan tentang penggantungan dan pembuangan pelajar yang dipertuduh atas suatu kesalahan jenayah atau kesalahan jenayah dibuktikan.

KPT juga telah menerbitkan buku *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi Kes-kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam yang turut menggariskan tentang proses kerja pra perbicaraan kes pelajar dituduh atas kesalahan boleh daftar di mana universiti awam (UA) mempunyai autonomi dalam membuat keputusan sama ada pelajar boleh digantung pengajian atau tidak sementara menunggu keputusan mahkamah terhadap kes yang dipertuduhkan. KPT ini berpendirian bahawa penguatkuasaan undang-undang adalah penting bagi memastikan kesalahan jenayah dalam kalangan pelajar dapat ditangani dengan lebih berkesan.

KPT sedang melaksanakan beberapa langkah proaktif bagi meningkatkan tahap keterlibatan (*engagement*) dan tahap kesedaran mengenai aktiviti buli di peringkat IPT, antaranya melalui kerjasama erat dengan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi penguatkuasa lain bagi menjamin kebajikan dan keselamatan mahasiswa, memberi penjelasan mengenai impak negatif aktiviti buli dalam program yang melibatkan pelajar di IPT, meningkatkan tahap keselamatan di kolej kediaman dan memantapkan prosedur keselamatan sedia ada di peringkat IPT sebagai langkah pencegahan awal.